

PRU-13: Najib rayu masyarakat Cina terus berimandatkan sebagai PM
Utusan Online
20 April, 2013

KLANG 20 April - Datuk Seri Najib Tun Razak malam ini berikrar akan memastikan keamanan dan keharmonian negara terus terjamin jika Barisan Nasional (BN) diberi menang dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Beliau yang menyatakan ikrar tersebut di hadapan 60,000 masyarakat Cina merayu agar golongan tersebut memberikan sokongan kepadanya untuk terus kekal sebagai Perdana Menteri.

"Kita sudah hadapi cabaran semasa zaman konfrantasi dan baru-baru ini berdepan dengan kumpulan pengganas yang mendarat di Lahad Datu, Sabah.

"Inilah jenis kerajaan yang kita mahu yang dapat jamin keamanan dan keharmonian," katanya dalam satu majlis makan malam ramah mesra bersama Perdana Menteri di Pelabuhan Klang di sini malam ini.

Yang turut hadir Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek.

Perdana Menteri berkata, ada ahli politik di negara ini yang mendatangi rakyat dan mengajak mereka agar mengubah kerajaan yang sedia ada.

Namun, beliau mengingatkan tentang apakah perubahan yang hendak dibawa ahli politik berkenaan sedangkan negara ini telah menikmati pertumbuhan ekonomi memberangsangkan, inflasi rendah, rakyat mempunyai pekerjaan dan pasaran saham yang memberikan jaminan kekayaan.

"Apakah ini yang kita hendak ubah, pastinya tidak. Apa yang kita tunjukkan kita dapat buat perubahan sebenar tanpa mengubah kerajaan.

"BN juga hendakkan perubahan, kita sudah buat transformasi ekonomi, politik dan kerajaan," katanya.

Tambah beliau, kesemua idea perubahan itu direka bentuk secara bersistem untuk mencipta perubahan sebenar.

"Kita tidak mahu ubah secara drastik dan radikal sehingga tidak mendapat kesannya," katanya.

Kepada masyarakat Cina, Perdana Menteri berkata, kerajaan telah melakukan lebih banyak perkara untuk manfaat mereka berbanding yang pernah diberikan sebelum ini.

"Dalam bidang pendidikan kita telah beri kebenaran kepada Sekolah Menengah Chung Hwa Kajang, Kuantan ditubuhkan dan benarkan 71 buah sekolah jenis kebangsaan Cina berpindah ke kawasan baru malah sanggup memberikan sebuah tapak sekolah kebangsaan untuk pembinaan SJKC Sungai Long di Kajang," katanya sambil berjanji bantuan RM100 juta setiap tahun kepada SJKC akan diteruskan. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130420/px_164/PRU-13-Najib-rayu-masyarakat-Cina-terus-beri-mandat-sebagai-PM#ixzz2ZuXRuxzJ

© Utusan Melayu (M) Bhd